



## PENYATA

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN  
WANITA LADANG (WALA)



**PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

Tingkat 1, Bangunan Annex,  
Bangunan Dewan Negeri Selangor,  
40680 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55447615, 55447616, 55447617, 55447618, 55447422





## URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN  
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN WANITA LADANG (WALA)

## PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN WANITA LADANG (WALA)

### 1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 7 – 11 April dan 14 – 18 April 2014.

### 2. PROGRAM TUMPUAN JAWATANKUASA

JPK-Pembasmian Kemiskinan yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri secara fokus memilih tiga program yang sedang dalam pelaksanaan iaitu MiMBAR (Mikrokredit Miskin Bandar), SKIMSEL (Skim Mikrokredit Selangor) dan WALA (Wanita Ladang). Ketiga-tiga program ini adalah di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dengan tumpuan “Hasil Negeri Untuk Rakyat”.

### 3. PENDENGARAN TERTUTUP

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 4 Februari 2014 (Selasa) bagi mendengar taklimat mengenai program Wanita Ladang (WALA).

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib  
(ADN Kawasan Hulu Kelang) Pengerusi
2. Y.B Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad  
(ADN Kawasan Seri Setia) Ahli
3. Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha  
(ADN Kawasan Taman Medan) Ahli
4. Y.B. Tuan Razaly bin Hassan  
(ADN Kawasan Dusun Tua) Ahli
5. Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik  
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) Ahli

### AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- |  |           |
|--|-----------|
| i) Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)                   | Pengerusi |
| ii) Y.B Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)                         | Ahli      |
| iii) Y.BPuan Haniza binti Mohamed Talha<br>(ADN Kawasan Taman Medan)             | Ahli      |
| iv) Y.B. Puan Lai Nyuk Lan<br>(ADN Kawasan Sungai Pelek)                         | Ahli      |
| v) Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik<br>(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli      |
| vi) Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad<br>(ADN Kawasan Seri Setia)                | Ahli      |
| vii) Y.B. Tuan Razaly bin Hassan<br>(ADN Kawasan Dusun Tua)                      | Ahli      |

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JKP-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JKP-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 25 Februari 2014.

Disahkan oleh:

YB Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan

(JKP-Pembasmian Kemiskinan)

Jabatan yang dijemput adalah Wanita Ladang (WALA) dan dua orang wakil daripada WALA hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah:

1. Encik Mohd Nor bin Mahmud

Pengurus Kanan WALA

2. Encik Raja Abdul Aziz

Pengurus Promosi

#### 4. LATARBELAKANG

Objektif utama Wanita Ladang (WALA) Selangor ditubuhkan adalah untuk menjana pendapatan tambahan dengan sekaligus mengeluarkan pekerja wanita ladang daripada garis paras kemiskinan. WALA merupakan program alternatif baru untuk golongan wanita bagi meningkatkan ekonomi keluarga dan mengubah minda mereka ke arah yang lebih berdayamaju dan mempunyai jati diri yang tinggi. Misi WALA Selangor adalah untuk mengurangkan kemiskinan dan pemberdayaan komuniti wanita ladang melalui pembangunan ekonomi dan sosial dengan menyediakan pekerjaan sambilan, latihan kemahiran dan program pembangunan diri.

#### 5. FAKTA

1. Struktur organisasi WALA kecil dan mempunyai 8 pegawai bagi menumpukan pencarian ladang dan peserta untuk diserap masuk mengikuti program-program.
2. Fungsi lapan orang pegawai ini merangkumi pelbagai aspek seperti mencari ladang-ladang untuk memperkenalkan program kepada wanita-wanita, mendapatkan kelulusan dari pihak pengurusan ladang, memperkenalkan dan memohon untuk menjemput wanta-wanita ladang mengambil bahagian, mendaftarkan peserta yang berminat dan meyakinkan objektif WALA kepada wanita Sasaran, memantau program yang dijalankan seperti yang dijadualkan, mendokumentasikan pembentangan atau pembayaran kepada peserta-peserta dan memantau pergerakan peningkatan taraf kemahiran, ekonomi dan sosial peserta.
3. Daripada jumlah ladang yang dilawati, 47% daripada ladang tersebut iaitu bersamaan dengan 21 buah ladang telah memulakan program WALA Selangor sejak penubuhannya pada April 2012.
4. Kelayakan penyertaan adalah bergantung kepada syarat yang ditetapkan iaitu warganegara Malaysia dan tinggal di Syarikat Perladangan Selangor, berusia di antara 18-55 tahun dan taraf permastautin di Selangor telah melebihi dua (2) tahun.

5. Program yang dijalankan oleh WALA adalah mengaturkan kerja-kerja sambilan, latihan asas pembangunan diri dan komuniti serta program perniagaan kecil dan pemasaran.

## 6. PENEMUAN JAWATANKUASA

1. Beberapa sebab utama mengapa WALA Selangor tidak dapat mengumpul peserta untuk menjalankan program yang telah dirangka adalah kerana sebahagian daripada ladang telah dibangunkan sebagai taman-taman perumahan, syarikat-syarikat ladang menggunakan tenaga pekerja asing (tiada warga tempatan), tiada kemudahan asas seperti dewan dan infrastruktur bagi menjalankan program dan juga tidak mendapat kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan ladang.
2. Bagi program kerja sambilan, WALA akan membayar upah RM20 sehari dengan kaedah baucar pembayaran untuk tiga (3) jam dan tenaga pengajar dan bahan-bahan yang berkenaan dibekalkan oleh WALA untuk program pembangunan diri dan komuniti. Latihan program pembangunan diri dan komuniti dijalankan selama tiga (3) jam setiap sesi pada hari Selasa hingga Khamis.
3. WALA juga memberi bantuan modal kepada peserta yang berjaya dan yang ingin bermula. Barang perniagaan, tempat dan lathan disediakan untuk peserta.
4. WALA sukar untuk menyediakan program cucuk tanam organik selaras dengan program Tenaganita kerana pengurus ladang tidak membenarkannya dan kawalan catuan air disesetengah ladang.
5. Walaupun mendapat kelulusan dari pihak kesatuan ladang namun didapati wanita ladang takut kepada orang luar dan kerja pada waktu di luar waktu bekerja disebabkan liputan terhad PERKESO.
6. Antara cabaran yang dihadapi oleh WALA ialahkekangan fahaman politik, suami tidak membenarkan, masalah kerja lebih masa, suami mengambil duit yang diperoleh oleh isteri, tiada kebenaran untuk menggunakan kemudahan asas di kawasan ladang dan masalah pengangkutan.
7. Antara perancangan strategi pada masa hadapan ialah menyusun perancangan perniagaan dan pasaran, menyusun program motivasi dan bengkel pengurusan kewangan dan menyediakan Skim Caruman Peserta WALA Selangor.
8. Keberkesanan kos untuk menjalankan program WALA adalah tidak memuaskan kerana tidak mampu meningkatkan taraf hidup dan paras garis kemiskinan. Salah satu daripada faktornya ialah mentaliti pekerja ladang yang tidak dapat menerima manfaat sepenuhnya daripada program-program yang dijalankan. Menurut Centre for Public Policy Studies Malaysia, masalah utama, mentaliti pekerja wanita ladang tidak berubah ialah kerana syarikat-syarikat ladang tidak menggalakkan peningkatan taraf pendidikan.

## 7. SARANAN JAWATANKUASA

1. WALA hendaklah berusaha memberi latihan yang lebih mendalam dalam kemahiran peserta yang berjaya supaya mereka dapat memasarkan perkhidmatan dan produk mereka di tempat-tempat luar daripada komuniti mereka.
2. WALA harus mewujudkan hubungan yang baik dengan pengurus ladang dan syarikat ladang supaya kemudahan asas dapat disediakan untuk program-program WALA yang dijalankan.
3. Kerajaan Negeri hendaklah meningkatkan taraf hidup pekerja ladang dengan menggalakkan pendidikan di kalangan golongan wanita. Kerajaan Negeri hendaklah menggalakkan syarikat ladang membina tadika untuk kanak-kanak pekerja ladang. Selain itu memberi bantuan mikrokredit kepada mereka, perkhidmatan kaunseling juga harus diberikan memandangkan kebanyakan masalah yang dihadapi oleh wanita ladang ialah dari segi budaya mereka yang tidak menggalakkan wanita berdikari dan setakat bergantung kepada suami mereka.
4. Keberkesanan kos dan konsep WALA perlu dikaji semula memandangkan kegalannya mencapai sasaran berbanding kos yang dibelanjakan serta tenaga yang dicurahkan.